

DAYA CIPTA DAN KETAJAMAN PERENUNGAN

Oleh SHAMSUDIN OTHMAN

M anusia bernama pengarang sentiasa meletakkan dirinya sebagai makhluk yang perlu memiliki kuasa daya cipta, ketajaman perenungan, dan sensitiviti terhadap apa-apa yang dilihat, didengar mahupun dirasakan. Di tangan pengarang juga, sesuatu kesan yang tersentuh itu akan menjadi indah dan luar biasa jika pengarang itu berupaya menggerakkan seluruh kemampuan daya kreatifnya ketika menyatakan sesuatu kesan yang terolah melalui sentuhan fikirinya. Pengarang yang mempunyai disiplin tinggi dalam proses penciptaannya sudah pasti akan dapat melahirkan karya kerana daripada idea yang kecil selalunya akan menjadi besar akibat menggerakkan kesetruhan daya fikir dan ketajaman mata hati ketika merenung sesuatu yang menggugah talurinya. Dan, tentunya dalam keberbagaian ragam pengarang itu,

maka impak kreatif yang terhasil juga adalah berbeza mengikut firasat dan takwil tersendiri.

Daya cipta pengarang pada hakikatnya adalah berbeza dalam konteks ukuran ilmu, tahap pembacaan dan ketekalan dalam pembinaan jati diri kepengarangan. Hal ini bermakna, sejauh mana tajamnya perenungan terhadap persoalan yang dilihat itu akan mempengaruhi kuasa daya cipta dan nilai keindahan karya yang dihasilkan. A. Samad Said misalnya menulis persoalan kemiskinan dalam puisi "Jerjak Setingga 72" tidak sama dengan kemiskinan yang dipaparkan oleh Uswan Awang dalam puisi "Pak Utih", walaupun kedua-dua sasterawan negara ini berkisah tentang kemelut hidup masyarakat Malaysia yang berlegar pada zamannya.

Sementara itu, Ned Costello dalam syarahannya bertajuk "Creativity and Higher Education" menjelaskan bahawa daya cipta pengarang sangat bergantung kepada empat ciri keupayaan, iaitu (i) keastlian perenungan (ii) kesesuaian mengolah idea (iii) orientasi masa

depan terhadap pemikiran dan (iv) keupayaan menyelesaikan masalah dalam usaha menjadikan karya sangat luar biasa. Pandangan Ned Costello ini tidak bermakna pengarang perlu bersetuju seratus peratus bahawa takrif dan elemen ini adalah sama seperti yang dijelaskan itu. Sebaliknya sesuatu pandangan itu boleh berbeza mengikut kefahaman budaya dan pandangan agama khususnya Islam. Hal ini dikatakan demikian kerana, jika pandangan ini diterima sepenuhnya, maka seseorang pengarang itu seperti telah menafikan hak dan kekuasaan Tuhan. Oleh itu, proses kreatif pengarang merujuk konteks Islam bermakna pengarang adalah berada di bawah kuasa Pencipta (Allah SWT). Maka sesuatu yang tercipta itu sebenarnya dan sepenuhnya berada dalam kuasa Yang Maha Pencipta (*al-Khaliq*) dan Yang Maha Mengetahui (*al-Alim*). Oleh itu, daya kreatif seseorang pengarang umumnya merujuk kuasa mencipta pengarang terhadap keupayaan mengolah sesuatu rasa yang dinikmati dengan kuasa ketajaman

ctr.no = 0000 275 367
ART 2017 / A01

Arts & Literature - General.
Pg 55-59

Shamsudin Othman

renungan yang kemudiannya mampu diterjemahkan ke dalam bentuk karya atau teks (dalam tulisan ini dirujuk sebagai sajak).

Menghayati 12 puisi pengarang tanah air membawa penulis jauh ke sebuah dunia yang sangat berkemungkinan. Kemungkinan pertama ialah sejauh mana pengarang itu dapat memasuki dunia kebenaran dengan daya cipta dan ketajaman perenungan mereka atau bermain dengan bahasa untuk menjelaskan estetika-logika yang terkesan daripada apa-apa yang menjadi idea kepada kelahiran teks.

Marzuki Ali tampil dengan naratif "Pulau Duyung" yang direnungnya selama sembilan tahun (1997-2017). Jarak waktu yang panjang itu telah menimbulkan rasa kesedihan hingga dia terpaksa melepaskan pujuk rayu dengan menulis ungkapan "jangan engkau menangis, duyungku". Ungkapan ini merupakan suara hati pengarang yang gundah-gulana, resah dan terkesima terhadap masa depan Pulau Duyung yang sedang berhadapan dengan kecelaruan identiti pembangun. Daya cipta Marzuki Ali mendedahkan pandangan tradisi yang kian hilang. Walaupun kuasa perenungan Marzuki telah dilebarkan dalam naratif, tetapi keupayaan menyelesaikan masalah tidak tergambarkan dengan berkesan. Marzuki sangat pasrah kepada situasi dan hal ini telah dengan sadar menunjukkan bahawa dia ditewaskan oleh keadaan tuntutan keperluan masa depan. Diksi yang dipilih dilihat telah membenarkan makna yang berkalih jauh daripada makna yang diperhatikan. Keaslian mengolah sesuatu yang dilihat dan dirasakan terasa hadir dan mengalir dalam diri pembaca. Sayangnya kekuatan



ini tidak disejajarkan dengan permainan gaya bahasa puisi seperti menjelmakan secara sadar kehadiran metafora, personifikasi mahupun hiperbola. Demikian juga dalam perkiraan menjelmakan makna konotasi yang dapat melepasi keperluan estetika atau Marzuki Ali perlu menjadi lebih berani dan agresif dalam hal menyatakan perjuangan mempertahankan nasib Pulau Duyung yang dikatakan indah penuh nostalgia itu. Dalam rangkap ketiga sajak ini, Marzuki Ali telah memaparkan keaslian fakta psikologi dirinya, iaitu paparan peribadi yang terkesan kepekasannya hingga rangkap ini menjadi sangat melankolik.

Ketika kita jadi bersedih bukan kerana kemiskinan melanda keparahan hidup membuat kenal diri dan berani kita tidak mudah akur menyerah percuma dan langgar dibuat jani kita cukup mengerti arti budi menerima tidak atas butang tapi perjuangan dan luntutan kita tidak mengesjar atas apa pun alasan.

Sajak lain oleh Aladin Mohamad, Abd Rahim Hamid, Hamizun Syah, Zam Ismail, Jamdin Buyong dan Rosmiaty Shaari dilihat hampir sama nadanya dengan Marzuki Ali. Pengarang ini masih berbicara tentang persoalan dendam kesumat, sama ada dendam terhadap kerinduan atau dendam terhadap ketidakpuasan hati. Keindahan atau kebahagiaan telah dialihkan maknanya oleh pengarang akibat daripada daya cipta yang bergerak di atas landasan realiti. Garapan ini telah memperlihatkan kecenderungan


pengarang untuk mengorbankan rasa insaniah hingga tidak lagi bersifat membentok kehalusan jiwa.

Aladin Mohamad hadir dengan sajak berjudul "Bunga Lalang" yang begitu tenggelam dalam pertanyaan yang diciptakannya sendiri. Sajak dua rangkap enam baris ini kelihatan kabur untuk menjelaskan kekusutan yang ditanggungnya. Pertanyaan begini sewajarnya dielakkan supaya pengarang menjadi lebih berani dalam usaha mencipta keputusan positif untuk dijadikan iktibar kepada pembaca. Imej "bunga lalang" tidak menjadi luar biasa daripada perenungan Aladin Mohamad. "Bunga lalang" ialah bunga yang tidak mampu terbang tanpa angin atau nasib bunga itu tidak menjanjikan sesuatu yang boleh dibanggakan. Percambahan buah fikir Aladin masih berada dalam batasan dan had yang terikat hingga tidak mengupayakan sumber ilmu yang lain.

Serpihan adalah bunga lalang di mana angin berhenti bertuju di situ ia terdampar.

Akan terbang lagi selepas ini atau terkubur di situ.

Sajak "Kudengar" karya Abd. Rahim Hamid memperlihatkan hal manusia yang diberi deria dengar dapat mendengar bunyi burung hantu, kodok dan kuang yang resah selepas hujan. Begitu pun, Abd. Rahim Hamid tidak menggerakkan keseluruhan daya cipta perenungannya hingga sajak ini kelihatan sangat biasa penampilannya. Pengarang ini tidak menzahirkan sesuatu yang baharu kesan daripada pendengarannya. Burung hantu,



kodok dan kuang tidak dijelmakan untuk menjadi tanda atau petanda kepada waktu selepas hujan dan malam. Kehadiran ketiga-tiga haiwan ini hanya sebagai cerita biasa yang tidak diketahui fungsinya untuk apa dijelmakan dalam sajak. Hal ini dijelaskan oleh Ned Costello sebagai kehadiran yang tidak dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya atau ketidakpekaan kepada orientasi pemikiran dalam teks.

Yang kudengar bunyi-bunyi itu bermain-main di iliriranku lika mata belum terlelap makin malam serjauhman.

Iamii betliga duduk serumah mendengarkan.

Hamizun Syah tampil dengan sajak berjudul "Seperti Aku Menangis" yang jelas lahir daripada pengalaman sebenarnya. Tidak bertanya kepada pengarang tentang mengapa dia menangis atau kenapa perlu ditatap air matanya kerana kata-kata merupakan produk kognisi pengarang yang tidak boleh dibohongi. Pengalaman kesedihan dapat dibayangkan secara jelas dalam bait-bait yang diujarkan. Kelangungan pengucapan sebegini telah meletakkan tahap daya cipta dan tahap perenungan pengarang tentang peristiwa adalah sederhana. Perhatikan kebersahajaan itu yang menjadi pilihan pengarang ini.

Kutatapui ur matak: seperti aku menangis selegak mana tercajal di kemuncak

kita tidak mungkin tahu peristiwa apa bakal menjelma biarpun untuk sesaat.

Kutatapui air matak: seperti aku menangis.

Dalam sajak "Serambi" oleh Jamdin Buyong, masih tidak dapat menyatakan sesuatu yang luar biasa daripada apa-apa yang ditemui, dilihat atau dirasai. Dengan kata lain, pada baris pertama setiap rangkap sajak ini dimulakan dengan frasa "di serambi ini" merujuk kerinduan terhadap penantian. Perulangan frasa sebanyak lima kali dibezakan daripada suasana, iaitu waktu senja, malam, subuh dan pagi. Ketika pengarang duduk di serambi, pengarang mempunyai kisah tertentu yang sangat dekat dengan ingatannya. Semuanya digarap secara tersurat dan mudah difahami kecuali pada rangkap terakhir yang menjelaskan bahawa pengarang berada dalam kesedihan setelah melihat jasad suaminya di bawa pulang ke rumah asal (kematian/kubur).

Di serambi ini langit melabuh mendung gerimis dia melambai suaminya hingga ke kaki tangga dengan dalam akhir yang pedih diusung puang ke rumah asalnya.

Sajak "Aku Bukan Unggas" oleh Saadiah Hj. Ibrahim sedikit berlainan kerana pengarang bermain dengan unsur paradoks dalam konteks menyelesaikan masalah yang berlaku dalam jiwanya.

Unsur paradoks itu dapat dilihat dalam frasa 'aku bukan unggas' dan 'aku ingin seperti unggas'. Kedua-dua frasa yang bergerak di atas garis berlawanan makna yang menunjukkan bahawa pengarang tidak konsisten terhadap apa-apa yang dihajati. Dua rangkap akhir sajak ini memperlihatkan secara jelas bahawa pendirian pengarang adalah mengelirukan akibat daripada ketidakhalusan renungan dalam hal mencipta pengakhiran cerita. Pengarang sewajarnya menjadi lebih berhati-hati supaya pengakhiran ayat dalam sesebuah sajak dapat merujuk kebenaran realiti yang bertitikkan kehidupan manusia.

Meski aku bukan unggas kupinjam alun dendangnya kedudukan di hati menjadi cinta.

Aku ingin seperti unggas hidup berhindar seirat dosa celik pagi kususun cinta selimutkan hayatku dengan badan.

Sajak "Kata Alam" oleh Jais Sahok, "Pulang" oleh Hipani Alwi, "Carta Diri" oleh A. Aziz Deraman, "Benarkah itu Lautan" oleh Zam Ismail, "Uluk Mayang" oleh Emra, dan "Tentang Bulan" oleh Rosmiaty Shaari merupakan sajak yang boleh dijadikan contoh kerana memiliki ciri daya cipta yang boleh diketengahkan dan ketajaman perenungan yang dapat dikongsi dengan pembaca.

Jais Sahok dan Zam Ismail mengupayakan teknik satira, iaitu menghidupkan alam dan haiwan untuk berbicara. Alam yang diberikan akal



untuk berkata telah mengajar Jais Sahok bahawa kedamaian boleh ditemui di hutan rimba yang tenang dan menghijau; dan sindiran antara pohon dengan haiwan kepada manusia ialah pengajaran yang sangat menginsafkan. Melalui sajak "Benarkah Itu Lautan", Zam Ismail menghidupkan watak serangga dan kelekatu bagi mewajarkan dialog manusia tentang pengertian derita. Kedua-dua mereka ini telah memberikan akal kepada haiwan untuk berfikir dan membuat keputusan. Oleh sebab akal ialah konotasi lain kepada ilmu, maka ilmu dalam sajak mereka ini ialah keupayaan daya cipta yang dapat membantu menyelesaikan masalah manusia. Jais Sahok menulisinya seperti ini:

*Kata daun durian dalam bisik ingatnya
lebih baik tua di sini
bersama harum manisaku
dan lambai hijauku
kerana hijauku yang
pernah mengusap
air mata deritamu
di bawah gugurnya
sebilai buah rebutan*

Manakala, Zam Ismail menulisinya dari sudut pandang yang sedikit berbeza, iaitu dengan memperlihatkan pengarang bermain-main dengan sesuatu pandangan sama ada yang sedia ada ataupun yang berada dalam lingkaran fikirannya. Dalam hal ini, Zam Ismail keluar daripada keterikatan ruang dan memasuki dunia kebenaran dengan asas realiti alam, Zam Ismail menulisinya begini:

*Nakhoda sebuah bahtera
bertanya pada seekor serangga
apakah itu sebuah lautan?
benar ujar yang serangga
kerana lautan itu lebih luas
dari sebuah daya.*

*Bertanya lagi dia kepada kelekatu
apa ada di atas gunung?
para kelekatu berterbangan menyanyikan
lagu duka nestapa nakhoda sebuah kapal
buta Jungu lagi menggilurkan
kelirika gunung-ganang untuh
menggilurkan sungai air mata
dia kelihatan mamai.*

A. Aziz Deraman melalui sajak bertajuk "Carta Diri" menyatakan rasa syukurnya kepada Pencipta kerana dikurniakan ilham untuk berkarya setelah begitu lama berada dalam kegelapan. Baris sajak, *mencari sinar harapan/ belum kutemui cahaya indah/ menyinari lagu yang kugubah/ sekeali terheret diri ke kancanh/ resahnya tidak ke lembah* ialah pernyataan yang bertolak daripada masalah yang dihadapi. Masalah ini terlelai akhirnya apabila pengarang memilih untuk bermuhasabah dan menginsafi diri. Keupayaan menyelesaikan masalah (rujuk frasa *sinar cahaya sautku pulang/ menghilangkan kegelapan*) yang kemudiannya dijelmakan dalam teks ini memperlihatkan kesatuan hubungan antara daya cipta dengan perenungan. Diksi 'sinar' dan 'cahaya' merupakan tanda kepada kualiti kandungan ilmu yang merujuk hal yang menerangi jalan-jalan kehidupan pengarang seterusnya. A. Aziz Deraman menulisinya begini:

*Sebuah perjalanan panjang
terpendam air mata keinsafan
akibat 'anjau diri' kehidupan
angin dosa 'lupannya' kembang
hilang kisah-kisah hitam*



*sinar cahaya saati kupulang
menghilangkan kegelapan
lega hati jambira sang seniman
di garis-garis pemisahan bahagian
cahaya memancarkan seni
terdahan carta diri.*

Sajak Rosmiaty Shaari bertajuk "Tentang Bulan" berkisah tentang imej bulan sebagai wacana bebas yang luas tafsirannya dan rencam perenungannya dalam konteks perlambangan. Realiti kewujudan bulan sebagai objek entiti alamiah sangat terkait dengan hal-hal tersirat yang boleh memberikan pelbagai taakulan. Bulan dirujuk sebagai keindahan, kebenaran dan kedamaian yang sering mempengaruhi kehidupan manusia dalam pembentukan tanggapan dan jangkaan. Kesannya, sudah tentu imej bulan menjadi dekat dengan hal-hal yang berkisar tentang kebenaran. Sifat bulan yang bercahaya dan dapat memberikan keindahan kepada malam merupakan taksa kata yang mempunyai erti lebih daripada satu. Oleh itu, 'bulan' dalam sajak ini merujuk kuasa daya cipta yang memungkinkan kewujudan sebuah kebenaran dan kepastian, merungkai keterkesimaan pengarang dalam belunggu keresahan.

*Kudengar suara melengking
di hutan aksara
mencelan di jambak awan
katanya, seekor serangga sedang aktif
menggeliat
menanti saat dicabut hayat
sedangkan aku melihat
sekolompok bulan bertungga rawan
di dibimnya
'tumbuh punggung' mabuk kemenangan.*

*Ah... Bulan!
lepas juga tinggi di swan
berdekap sinar
bergincu harapan.*

Walau bagaimanapun, ada sedikit kecelaruan dalam sajak ini, iaitu diksi 'pungguk' yang muncul dalam baris *tumbuh pungguk mabuk kemenangan* itu telah menjadi hiperbola yang

mengelirukan. 'Pungguk' dalam baris ini tidak pasti merujuk peribahasa atau diksi yang mewakili haiwan atau tumbuhan? Kekeliruan sebegini perlu dielakkan bagi memperlihatkan daya cipta dan ketajaman perenungan pengarang tidak terganggu.

Sajak "Ulik Mayang" karya Emra menunjukkan keinginan pengarang memelihara budaya tradisi melalui daya cipta sajak. Sifat mantera sangat kuat membayangi sajak ini hingga menjelmakan retorik rayuan dan harapan yang ketara. Gabungan daya cipta antara elemen sosial dengan elemen budaya dalam sajak ini telah dapat mewujudkan satu pertautan makna yang sesuai dengan zaman dan tuntutan semasa. Hal inilah yang disebutkan Neo Costello sebagai orientasi masa depan dalam usaha memperkasakan keaslian khazanah bangsa. Sajak ini merujuk tradisi ulik mayang yang fungsinya sangat terkait dengan budaya perubatan tradisional atau perbomohan suatu waktu dahulu kini telah menjadi popular dalam konteks seni persembahan Melayu yang menghiburkan. Walaupun sajak ini tidak tematik kerana kandungannya tidak terikat oleh kesatuan fikiran, tetapi baris-baris ayatnya mempunyai kesan tersendiri yang dapat diukur dari aspek kekuatan gaya bahasa daripada makna kerinduan dan harapan. Paparan sajak lebih kepada pernyataan kerinduan terhadap Puteri Tujuh agar dapat kembali bersama-sama menikmati hiburan, dan mengharapkan agar dapat meneruskan seni tradisi ulik mayang ini berkekalan. Hal ini dapat dilihat dalam rangkap di bawah:

*Puteri Tujuh aku tetap menantimu
sudah sekian musim tidak ketemu
tengkujuh sudah pun teduh
tapi kau lak juga kunjung melabuh*

*Datanglah bertandang
tinggalkan seketika istana kayangan*



*Bersama menyanyi berulikan mayang
pantun seleka diiringi kompang.*

Sajak terakhir dalam ruang Kritikan Puisi kali ini merujuk sajak "Pulang" karya Hipani Alwi. Sajak ini memperlihatkan kekuatan daya cipta dari aspek kesesuaian pemilihan diksi. Diksi 'pulang' yang turut menjadi judul sajak ini mempunyai konotasi yang sangat rapat dengan kematian atau perpisahan. Tentunya dalam makna yang tersirat 'pulang' ialah salah satu kaedah penyelesaian terhadap kehidupan makhluk bernyawa. Struktur sajak ini digerakkan dengan menggunakan bahasa biasa, tetapi mengilas makna biasa kepada makna konotatif. Diksi 'pulang' yang merujuk makna kamus sebagai 'balik' telah dipesongkan kepada makna kembali kepada yang abadi atas nama kerelaan atau rasa ikhlas. Kesannya, sajak ini dilihat tidak mementingkan struktur bentuk, tetapi sebaliknya mementingkan makna, iaitu 'pulang' yang abadi tidak perlu disangsikan pilihan destinasi (keliru arah tuju yang paling tepat) kerana 'pulang' yang abadi ialah satu kepastian (Pulanglah). Hipani Alwi mengolah daya cipta diksi 'pulang' dengan perenungan yang sangat tersirat. Dipetik sepenuhnya sajak ini, katanya:

*Pulang telah melahirkan
banyak makna, membuat aku
keliru arah tuju yang paling tepat
hendak dilalui.*

*Pasti dalam hati kita, ingin pulang
ke tempat asal tetapi hidup ini
telah dibangunkan berbagai-bagai
jalan pulang dan dibangunkan alam
sekeliling yang amat baik dan
menyenangkan.*

Demikianlah 12 sajak yang dibicarakan dalam ruang yang sangat terbatas ini. Kesimpulannya, pandangan Neo Costello tentang konsep daya cipta dan ketajaman perenungan bukanlah satu takerja utama yang boleh dikaitkan dengan ukuran tahap dan tingkat komunikatif sajak. Pandangan Neo Costello ini lebih bersifat luaran dan panduan umum untuk dijadikan ilmu asas dalam penciptaan. Dalam konteks yang lebih symul, seseorang pengarang yang bernama makhluk perlu menyedari bahawa idea dan ilham ialah fitrah alami yang sangat rapat hubungannya dengan kurniaan ilmu. Dan, dengan ilmu itu pula akan terbit keupayaan untuk pengarang mengolah alam atau berdaya cipta dengan ketajaman perenungan yang dipinjaman oleh Pencipta. Oleh itu, oleh sebab ilmu itu ialah pemberian daripada Pencipta maka daya cipta dan ketajaman perenungan juga adalah daripada pemberian-Nya. Sebagai pengarang, apa-apa yang dioleh dalam bentuk teks/karya, semuanya itu adalah daripada keizinan Pencipta. Akhirnya, daya cipta yang tidak dipandu oleh ilmu akan membawa pengarang serta pembaca ke arah kesesatan. ❏